

UCAPAN ALUAN
Y.BHG. PROF. DATUK. DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSOLOR

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP FV MALAYSIA 2015

24 MEI 2015 (AHAD)
LITAR ANTARABANGSA SEPANG
2.00 PETANG

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

SALUTASI

Tuan / Puan, Hadirin dan Hadirat Sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberi kesempatan untuk kita bersama dalam Majlis Penutup Formula Varsiti (FV) Malaysia 2015. Pertandingan FV kali ini turut melakar

sejarahinya yang tersendiri kerana penganjuran ini julung kalinya diadakan di litar lumba bertaraf dunia di Sepang ini.

2. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada **Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md Yunos bin Husin, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka** yang sudi meluangkan masa hadir ke program pada petang ini yang tujuan utama penganjurannya adalah untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif dalam memenuhi aspirasi negara bagi menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.
3. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua para tetamu jemputan yang turut hadir yang terdiri daripada Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi, MOSTI, wakil-wakil

IPT, Wakil Politeknik, Wakil Kolej Komuniti, para pensyarah, para peserta kejohanan FV Malaysia 2015 dan pelajar-pelajar yang mewakili rangkaian pendidikan Malaysia serta pihak Industri juga agensi kerajaan dan swasta yang sentiasa memberi sokongan berterusan dalam kejohanan ini.

4. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh Ahli Jawatankuasa FV Malaysia 2015 yang terdiri daripada para pelajar UTeM di atas komitmen tinggi menyatukan idea, menyempurnakan tugas bagi memastikan kejohanan ini terlaksana dengan lancarnya seperti mana yang dirancang. Pelaksanaan kejohanan ini sedikit sebanyak dapat mengubah cara pemikiran seorang pelajar ke arah yang lebih kreatif dan inovatif

serta memupuk sahsiah pelajar untuk lebih berdisiplin dan bekerja dalam satu pasukan bagi menyiapkan tugas dalam masa yang telah ditetapkan. Diharapkan dengan penyertaan aktif para pelajar dalam kejohanan seperti ini, kita mampu menyediakan graduan yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi dalam bidang teknikal dan kejuruteraan, sekali gus meningkatkan lagi kadar kebolehpasaran graduan-graduan kita.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

5. Ingin saya kongsi di sini bahawa konsep asal penganjuran kejohanan Formula Varsity ini berasal dari kejohanan Formula SAE ataupun Society of Automotive Engineers yang telah dianjurkan sejak tahun 1979 di Amerika Syarikat dan kini penganjurannya semakin meluas ke seluruh dunia antaranya di UK, Jepun, Brazil, Australia,

Italy dan lain-lain dengan penyertaan yang sangat memberangsangkan dari pelajar-pelajar Universiti di negara tersebut.

6. Namun, di Malaysia, penganjuran Formula Varsity adalah sesuatu yang boleh dibanggakan dan layak diletakkan sebaris dengan kejayaan penganjuran Formula SAE.
7. Penganjuran FV Malaysia 2015 telah pun memasuki edisi yang kelima dan dianjurkan setiap dua tahun. Kejohanan Formula Varsity yang pertama telah diadakan pada tahun 2006 dengan penyertaan hanya daripada dua buah IPT iaitu UTeM dan UTHM. Namun, pada setiap kali penganjuran, bilangan penyertaan semakin meningkat dari kalangan IPTA Awam dan Swasta seperti USM, UPM, UPNM,

Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia, Universiti Nottingham Malaysia, Taylors, GMI, Politeknik, Kolej Komuniti dan tidak ketinggalan penyertaan dari IKM.

8. Menyedari kejohanan ini semakin mendapat perhatian dan tempat di kalangan IPT negara ini, maka nama kejohanan ini telah melalui proses penjenamaan semula yang mana bagi penganjuran edisi kelima ini ia dikenali sebagai Formula Varsity Malaysia, sejajar dengan skop pertandingan yang semakin meluas dan lebih komersil.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

9. Alhamdulillah, pada Kejohanan FV Malaysia 2015 ini, sambutan penyertaan amat menggalakkan, yang mana sejumlah 36 pasukan telah bersaing dalam kategori Enjin Pembakaran Dalam (*Internal Combustion Engine - ICE*) dan 3 pasukan dalam kategori Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle – EV*), menjadikan penyertaan keseluruhan pada kejohanan kali adalah sebanyak 39 pasukan daripada **IPT**.
10. Apa yang lebih menarik pada kejohanan kali ini segala pengurusan penganjuran FV Malaysia 2015 diuruskan sepenuhnya oleh pelajar dan staf UTeM hanya bertindak sebagai penasihat dan pemantau bagi setiap jawatankuasa yang dibentuk. Secara tidak

langsung, kemahiran insaniah para pelajar dapat diperteguhkan dengan penerapan sikap bertanggungjawab, kebolehan memimpin, bekerjasama dalam satu pasukan, berkomunikasi, berdisiplin dan pengurusan masa yang berkesan.

11. Para peserta turut dicabar dalam penggunaan sumber sedia ada untuk merancang, mereka bentuk, membina dan menguji jentera lumba gaya formula 1 dalam skala kecil yang memenuhi spesifikasi dan aspek keselamatan. Peserta turut diuji dalam kemahiran analitikal dan teknikal menggunakan daya kreativiti serta mengaplikasikan ilmu yang diperolehi semasa sesi pembelajaran bagi menyelesaikan masalah ketika pembinaan jentera lumba.

Hadirin dan Hadirat Sekalian

12. Sememangnya FV Malaysia 2015 telah memberi pengalaman dan nilai tambah kepada para pelajar untuk bersaing dalam menghadapi cabaran alam pekerjaan kelak. Tambahan lagi pada masa hadapan negara amat memerlukan sumber manusia berilmu yang berketerampilan tinggi, luwes, mempunyai daya fikiran holistik dan generasi yang kreatif juga inovatif. Sehubungan itu UTeM amat mengharapkan sokongan padu daripada semua pihak dari segi sumber dan penyertaan agar penganjuran Kejohanan Formula Varsity Malaysia dapat diteruskan pada masa hadapan dalam usaha melahirkan generasi inovatif yang cemerlang serta dapat menyumbang kepada industri automatif negara.

13. Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada para tetamu yang sudi hadir pada petang ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dessault System dan XOX Mobile yang bermurah hati memberi tajaan serta sokongan terhadap kejohanan ini. Kepada para peserta gunakanlah pengalaman yang diperoleh dengan sebaiknya sebagai bekalan hari ini dan hari-hari mendatang. Semoga ikatan silaturahim dan persaingan yang sihat ini akan terus terbina demi manfaat bersama. Saya akhiri ucapan dengan dua rangkap pantun.

Angin teluk menyisir pantai,
Hanyut rumpai di bawah titi,
Kejohanan FV pencetus inovasi,
Bakat terserlah mencurahkan bakti

Pohon berangan tempat bertemu,
Girangnya rasa si anak dara,
Baliklah tuan membawa ilmu,
Binalah bangsa bangunkan negara.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalam mualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.